

Unit Berita Kota

44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota
Twitter: @UtusanKota
Laman web: www.utusan.com.my



LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA

Sukan SEA: Alam Flora perkenal alat pembersihan

KUALA LUMPUR 20 Ogos - Bagi mewujudkan persekitaran yang lebih baik dan sihat sepanjang temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017), Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) mengambil inisiatif memperkenalkan tiga peralatan pembersihan berkonsepkan teknologi hijau.

Pegawai Eksekutif Alam Flora, Datuk Mohd. Zain Hassan berkata, peralatan pembersihan terbaharu yang menggunakan kuasa elektrik itu mampu bertahan selama lapan jam dan membersihkan kawasan sehingga 2.5 kilometer.

Beliau berkata, peralatan pembersihan berkenaan digunakan di venue tumpuan tinggi pengunjung sepanjang KL2017 berlangsung seperti di Stadium Nasional Bukit Jalil, Titiwangsa dan Pudu Ulu.

"Peralatan itu adalah mesin mikro sapuan dan vakum elektrik sebanyak tiga unit, skuter elektrik (10 unit) dan basikal tiga roda

elektrik (12 unit).

"Kesemua peralatan ini mempunyai ciri-ciri menjaga kualiti persekitaran, di samping menjimatkan tenaga dan sumber asli," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir ke majlis Pelancaran Peralatan Pembersihan Berkonsepkan Hijau yang turut dihadiri Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio Ekonomi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Ibrahim Yusoff.

Sementara itu, kira-kira 160 peserta pelbagai lapisan umur dan bangsa menyertai perlumbaan Alam Flora City Hunt sejauh lima kilometer sekitar bandar raya, bermula dari Dataran DBKL, Jalan Raja Laut.

Para peserta perlu memakai pakaian yang diperbuat daripada barangan kitar semula sebagai simbolik untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kitar semula.



IBRAHIM YUSOFF (tiga dari kanan) bersama Mohd. Zain Hassan (dua dari kanan) melihat keberkesanan mesin pembersihan yang diperkenalkan pada majlis pelancaran peralatan berkonsepkan hijau dan Alam Flora City Hunt di Kuala Lumpur, semalam. -BERNAMA